

NO SOALAN: 512

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**DARIPADA : YB WONG SZE PHIN @ JIMMY
(KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memelihara dan mempertahankan Hak Tanah Orang Asal. Nyatakan program, perancangan, peruntukan dan sebagainya yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memelihara dan mempertahankan hak orang asal di seluruh Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Hak tanah orang Asal/ Asli di Malaysia tidak diabaikan oleh Kerajaan Malaysia. Perkara ini dapat dilihat melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (JKKHTOA) yang dipengerusikan YAB Timbalan Perdana Menteri bertujuan untuk memantau pelaksanaan 17 syor yang telah dikemukakan oleh Pasukan Petugas Mengkaji Laporan Inkuiri Nasional Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).

Salah satu syor yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan dan diberi keutamaan adalah pelaksanaan kajian mengenai konsep

23

Tanah Pegangan Adat Orang Asli. Proses kajian ini telah dimulakan dan dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) akan mengambil masa selama 24 bulan. Kajian ini bertujuan untuk memberikan penjelasan mengenai tanah pegangan adat Orang Asli Semenanjung Malaysia supaya isu berhubung pengiktirafan tanah pegangan adat tidak lagi dipertikai serta dapat diselesaikan melalui perundangan yang berkuatkuasa. Dengan adanya kajian ini, ia akan menutup kelompongan bagi ketiadaan peruntukan khusus mengenai pemilikan tanah oleh Orang Asli Semenanjung Malaysia dan mendapatkan definisi yang jelas tentang isu-isu berkaitan adat, tradisi, sosio ekonomi dan amalan hidup masyarakat Orang Asli.

Selain daripada itu, melalui mesyuarat JKKHTOA yang telah diadakan pada 7 April 2016 juga, mesyuarat bersetuju supaya pewartaan tanah Orang Asli dilaksanakan di bawah Seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) bagi memberi jaminan pegangan kekal hak tanah kepada Orang Asli. Cadangan Perwartaan Tanah kepada Orang Asli ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri (MBKM) pada 10 Mei 2016, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Mei 2016 dan Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia (PTM) pada 5 September 2016 dan bersetuju supaya Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan pewartaan tanah Orang Asli di bawah Seksyen 6 atau/dan 7 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah memperuntukkan RM1.5 juta bagi kerja-kerja pengukuran tanah pada tahun ini. Usaha pemeliharaan tanah Orang Asal tidak hanya terhad kepada negeri-negeri di Semenanjung sahaja, malah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) sehingga kini sedang menyelaraskan dua program khas untuk Bumiputera Sabah dan Sarawak iaitu Program Khas Anak Negeri (PKAN) Sabah dan Program Khas Bumiputera (PKB) Sarawak. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) sebanyak RM150.66 juta telah diperuntukkan untuk PKAN Sabah dan RM200 juta untuk PKB Sarawak. Pelbagai program dan projek dipantau di bawah PKAN Sabah dan PKB Sarawak meliputi lima kluster iaitu : -

- (i) pengukuran Tanah Hak Adat (*Native Customary Rights-NCR*);
- (ii) mahkamah adat;
- (iii) pembangunan ekonomi (pembangunan tanah NCR);
- (iv) pembangunan infrastruktur luar bandar (pembinaan jeti dan pembinaan *Rural Service Centre*); dan
- (v) pembangunan modal insan (latihan kraf tangan dan kemahiran).

Kerajaan komited untuk terus melaksanakan pelbagai program bagi memelihara dan mempertahankan Hak Tanah Orang Asal. Dalam hal ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi program NCR di Negeri Sabah dan Sarawak di bawah PKAN Sabah dan PKB Sarawak sejak dari tahun 2010 hingga kini. Program NCR dilaksanakan bertujuan untuk memelihara dan melindungi kepentingan Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak ke atas tuntutan hak tanah adat dan pemilikan tanah di bawah Ordinan

Tanah Sabah dan Kanun Tanah Negeri Sarawak. Usaha-usaha pengukuran tanah NCR dilaksanakan secara berterusan dengan komitmen untuk memberi hak milik tanah kepada individu yang layak.

Kerajaan Negeri Sabah juga telah mensasarkan sebanyak 110,000 hektar tanah untuk diukur dari tahun 2010-2020. Secara kumulatif, sejumlah 69,666.31 hektar tanah telah selesai diukur di antara tahun 2010-2017 dengan peruntukkan sebanyak RM97.48 juta. Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta dengan sasaran pengukuran sebanyak 17,000 hektar. Melalui program pengukuran NCR ini seramai 6,794 individu telah diberi hak milik.

Manakala bagi Kerajaan Negeri Sarawak, sebanyak 991,170 hektar perimeter tanah dan 118,758 hektar lot individu disasarkan untuk diukur sehingga tahun 2020. Secara kumulatif, sejumlah 843,696 hektar perimeter tanah telah selesai diukur di antara tahun 2011-2017 dengan peruntukkan sebanyak RM128.05 juta. Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri telah diperuntukkan sebanyak RM30 juta dengan sasaran pengukuran sebanyak 52,395 hektar pengukuran perimeter dan 22,835 hektar pengukuran lot individu. Melalui program pengukuran NCR ini seramai 6,794 individu telah diberi hak milik.

Sekian, terima kasih.